

# Pemandu lori mengaku rompak dua kedai runcit kena 12 tahun

**KUCHING:** Seorang pemandu lori dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan dikenakan lima sebatan oleh Mahkamah Sesyen semalam selepas mengaku bersalah melakukan rompakan di dua kedai runcit berasingan di sini pada pertengahan Mac lalu.

Mohd Amin Abdullah, 30, mengaku bersalah sebaik diadikwa atas dua pertuduhan dalam prosiding berasingan, masing-masing dibuat di hadapan Hakim Musli Ab Hamid dan Hakim Mohd Taufik Mohd@Mohd Yusoff.

Kedua-dua pertuduhan tersebut dibuat mengikut Seksyen 392 Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara sehingga 14 tahun dan boleh didenda atau disebat.

Musli memerintahkan tertuduh dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun berkuat kuasa dari tarikh dia ditangkap iaitu 21 Mac 2023 dan mengenakan tiga sebatan.

Sementara Taufik menetapkan tertuduh dijatuhi hukuman penjara lima tahun yang dijalankan secara berturutan dengan hukuman dijatuhkan oleh Musli, selain mengenakan dua sebatan.

Bagikes pertama, tertuduh



**KE PENJARA:** Tertuduh (kiri) diiringi polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

didakwa melakukan rompakan dengan mengambil wang tunai berjumlah RM226 dan sebuah telefon bimbit milik wanita berusia 26 tahun dalam satu kejadian pada 18 Mac lalu, sekitar jam 7.15 pagi di sebuah kedai runcit di Jalan Lapangan Terbang di sini.

Sementara itu bagi kes kedua, dia didakwa melakukan perbuatan sama terhadap seorang remaja perempuan berusia 18 tahun selang beberapa hari kemudian (21 Mac 2023) di sebuah kedai runcit di Sungai Maong Lama

di sini, sekitar jam 12.05 tengah malam.

Dalam kejadian itu, tertuduh telah mengambil tiga unit telefon bimbit, satu unit komputer tablet dan wang tunai RM1,556 dari milikan mangsa.

Fakta kes bagi kedua-dua kejadian itu mendedahkan, modus operandi tertuduh adalah masuk ke dalam kedai-kedai runcit tersebut dan berpura-pura hendak membeli barang sebelum melakukan rompakan.

Semasa masuk ke dalam kedai juga, tertuduh meng-

gunakan topi keledar maupun menutup kepalanya menggunakan kain.

Selain itu, ketika hendak membayar di kaunter, tertuduh memberitahu pekerja kedai bahawa dia hendak mengambil wang di dalam kereta.

Tertuduh keluar sebentar daripada kedai-kedai tersebut namun apabila dia masuk semula ke dalam, dia akan terus masuk ke dalam kawasan kaunter dan mengambil barang-barang termasuk wang tunai yang ada di situ.

Setelah itu, tertuduh terus melarikan diri menggunakan sebuah kereta kompak berwarna biru. Susulan itu, mangsa-mangsa membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

Hasil siasatan mendapat mangsa-mangsa dapat mengemaskan tertuduh dengan tepat menerusi kawad cam, selain berjaya mengesahkan barang-barang rampasan tersebut merupakan milik mereka.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Iezzah Iburdanisha Ibrahim dan DPP Danial Mohamad Ali sementara tertuduh tidak diwakili peguam.